

**KONSEP KEMAKSUMAN NABI MENURUT  
JUDAISME: PENILAIAN SEMULA KRITIKAN  
SARJANA ISLAM**

**NAZMI QAYYUM BIN HAMDAN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2021**

**KONSEP KEMAKSUMAN NABI MENURUT  
JUDAISME: PENILAIAN SEMULA KRITIKAN  
SARJANA ISLAM**

**oleh**

**NAZMI QAYYUM BIN HAMDAN**

**Disertasi ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**September 2021**

**PERAKUAN PELAJAR**

Saya, seperti yang bernama di bawah mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil penulisan saya sendiri dan tidak mengandungi bahan-bahan yang pernah ditulis atau diterbitkan, melainkan diberikan rujukannya. Hasil kerja ini juga adalah asli. Jumlah perkataan disertasi ialah 48741.




**Tandatangan** : .....

**Nama Pelajar** : NAZMI QAYYUM BIN HAMDAN

**No Kad Pengenalan** : 960615-08-6305

**No Matrik** : P-HM0007/19(R)

**Tarikh** : 21 September 2021



## PENGHARGAAN

لَا يَشْكُرُ اللَّهُ مَنْ لَا يَشْكُرُ النَّاسَ (رواه أحمد في مسنده)

אוֹדָה יְהוָה בְּכָל־לִבִּי (תהלים ט, ב)



Segala puji bagi Allah yang dengan izin-Nya, tesis ini dapat disiapkan. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada ibu (Powziah binti Nasir) dan bapa (Hamdan bin Saad) yang banyak membantu daripada segi kewangan ketika tesis ini ditulis selama hampir dua tahun. Begitu juga dengan bantuan-bantuan yang secara tidak langsung daripada adik-beradik iaitu Nurul Hayyum, Nuzul Qayyum dan Nazli Qayyum.

Ucapan penghargaan juga dituju kepada orang terpenting dalam penulisan tesis ini yakni penyelia penulis iaitu Profesor Madya Dr. Mohd Nizam bin Sahad. Beliau banyak menolong penulis dalam mengaturkan idea tesis serta menguruskan artikel jurnal. Begitu juga dengan para pensyarah Universiti Sains Malaysia terutamanya Bahagian Pengajian Islam yang mengajarkan penulisan tesis dengan pemahaman bertaraf sarjana.

Tidak dilupakan juga rakan penulis iaitu Ustaz Adib Hilmi yang menolong penulis dalam memahami ibarat (ayat) teks-teks Arab dan juga membelikan kitab Muhammad 'Imarah dari Mesir. Ucapan terima kasih juga kepada Rabbi Ben Abrahamson yang penulis banyak bertanya mengenai agama Yahudi melalui facebook messenger. Tidaklah penulis dapat memberikan balasan kepada mereka semua yang telah membantu penulis dalam menyiapkan tesis melainkan berdoa kepada Allah agar mengampuni dosa-dosa kita semua yang serba tidak maksum ini. Semoga hasil kerja tesis ini menjadi amal jariah yang mengalir pahalanya kepada mereka yang membantu. Amin.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>viii</b>
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b> .....	<b>ix</b>
<b>SENARAI ISTILAH</b> .....	<b>xiii</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xiv</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xv</b>
<b>BAB 1       PENDAHULUAN</b> .....	<b>1</b>
1.1   Latar Belakang .....	1
1.2   Permasalahan Kajian .....	5
1.3   Objektif Kajian .....	7
1.4   Persoalan Kajian .....	8
1.5   Sorotan Kajian Lepas .....	8
1.5.1   Karya Perbahasan Kenabian Dalam Wasiat Lama .....	9
1.5.2   Karya Perbahasan Kemaksuman Nabi .....	11
1.5.3   Karya Kritikan Sarjana Islam .....	14
1.6   Skop & Batasan Kajian .....	17
1.7   Kepentingan Kajian .....	22
1.8   Metodologi Kajian .....	23
1.8.1   Kaedah Pengumpulan Data .....	23
1.8.2   Kaedah Analisa Data .....	26
1.8.3   Kerangka Konsep .....	27
<b>BAB 2       KONSEP NABI MENURUT AGAMA YAHUDI</b> .....	<b>30</b>
2.1   Tuhan .....	30

2.2	Gelaran Nabi .....	32
2.3	Sifat Kenabian.....	37
2.4	Kesimpulan .....	43
<b>BAB 3</b>	<b>ANALISA KISAH NABI BERKAITAN PERILAKU DOSA MENURUT TAFSIRAN RABBI.....</b>	<b>44</b>
3.1	Pengenalan .....	44
	3.1.1 Kitab Suci Yahudi .....	44
	3.1.2 Dosa .....	49
3.2	Adam.....	52
	3.2.1 Memakan Buah Terlarang.....	54
3.3	Nuh.....	59
	3.3.1 Minum Wain .....	62
	3.3.2 Kemabukan .....	65
	3.3.3 Kutukan.....	67
3.4	Lut.....	70
	3.4.1 Menawarkan Anak-anak Perempuan .....	70
	3.4.2 Bersetubuh Dengan Anak-anaknya.....	74
3.5	Yaaqub .....	76
	3.5.1 Menipu Bapanya .....	77
	3.5.2 Bergelut Dengan Elohim.....	83
	3.5.3 Patung Berhala .....	87
	3.5.4 Anak Yaaqub Baring Bersama Gundik Bapanya.....	91
3.6	Harun.....	93
	3.6.1 Pembuatan Berhala.....	95
3.7	Musa.....	102
	3.7.1 Mengambil Harta Penduduk Mesir .....	103
	3.7.2 Tidak Mempercayai & Menyucikan Tuhan .....	106
3.8	Daud.....	112

3.8.1	Meniduri Batsheba .....	116
3.8.2	Membunuh Suami Batsheba .....	119
3.9	Sulaiman.....	122
3.9.1	Menikahi Wanita Musyrik .....	125
3.9.2	Terpengaruh Dengan Isteri Musyrik .....	126
3.9.3	Membina Tokong.....	127
3.10	Kesimpulan .....	130
<b>BAB 4</b>	<b>PENILAIAN KRITIKAN SARJANA ISLAM.....</b>	<b>131</b>
4.1	Taurat Menurut Islam.....	131
4.1.1	Penyelewengan Makna.....	136
4.1.2	Penyelewengan Majoriti Teks.....	139
4.1.3	Penyelewengan Minoriti Teks.....	141
4.2	Adam.....	143
4.2.1	Tidak Bertaubat.....	145
4.3	Nuh.....	148
4.3.1	Minum Air Haram.....	149
4.3.2	Mabuk .....	151
4.3.3	Mengutuk Orang Tidak Bersalah.....	152
4.4	Lut.....	154
4.4.1	Menawarkan Anak-anaknya Kepada Lelaki .....	154
4.4.2	Sumbang Mahram .....	154
4.4.3	Status Lut .....	156
4.5	Yaaqub .....	157
4.5.1	Menipu Bapanya .....	158
4.5.2	Bergelut Dengan Tuhan .....	160
4.5.3	Menyembah Patung Berhala .....	163
4.5.4	Dayus .....	164

4.6	Harun.....	166
4.6.1	Mensyirikkan Tuhan .....	166
4.7	Musa.....	167
4.7.1	Merampas Harta .....	168
4.7.2	Tidak Beriman Kepada Tuhan .....	168
4.8	Daud .....	170
4.8.1	Berzina Dengan Batsheba .....	171
4.8.2	Membunuh Uriyah Untuk Merampas Batsheba.....	172
4.9	Sulaiman.....	173
4.9.1	Murtad .....	174
4.10	Kesimpulan .....	176
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN.....</b>	<b>177</b>
5.1	Rumusan.....	177
5.2	Saranan & Cadangan.....	183
<b>RUJUKAN</b>	<b>.....</b>	<b>186</b>



## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Senarai nabi serta kisah yang dikaji..... 20
Jadual 5.1	Konsep kemaksuman nabi menurut agama Yahudi..... 179
Jadual 5.2	Senarai kelemahan kritikan sarjana Islam ..... 181

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1      Kerangka konsep .....	29

## JADUAL TRANSLITERASI

### Bahasa Arab

#### Transliterasi Huruf

Huruf Arab	Transliterasi
أ	a *
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	ḏh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Transliterasi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ / ه	h
ي	y / i
ة	ah **
ى / ا	ā ***

### \*Hamzah (ء)

Apabila diletakkan baris vokal, huruf hamzah mampu menjadi َ (a), ِ (i), ُ (u) dan pada penghujung sesebuah perkataan akan ditransliterasikan kepada (').

### \*\*Konsonan Tā Marbūṭah (ة) Di Akhir Kata

Huruf tā marbūṭah pada hujung perkataan akan menjadi (-h) kerana dimatikan, contohnya perkataan الرسالة (ar-risālah). Manakala dalam bentuk frasa (*murakkabah*) ditransliterasikan kepada (t), contohnya أئمة الحديث (a'immatu'l-hadīth).

### \*\*\*Huruf Vokal

Huruf alif (ا), waw (و) dan ya (ي) mampu menjadi vokal dan ia memanjangkan sebutan dengan transliterasi ā, ī, ū. Begitu juga dengan alif māddah (آ) dan alif maqsurah (ى) yang ditransliterasikan kepada (ā). Contohnya, perkataan القرآن (al-Qur'ān), صغرى (ṣuġhrā).

### Baris Vokal

(huruf ب sebagai contoh)

Vokal	Sebaris [ba, bi, bu]	Dua baris [ba(n), bi(n), bu(n)]
A	َ (ب)	َّ (ب)
I	ِ (ب)	ِ (ب)
U	ُ (ب)	ُّ (ب)

## Shaddah/ Tashdīd (◌ّ)

Transliterasi untuk baris shaddah adalah dengan menggandakan huruf tersebut.

Contohnya العرقيّة (al-‘irāqiyah).

## Ḍamīr

Kata ganti diri (ḍamīr) akan dipisahkan dengan sempang (-) selepas kata nama atau kata sendi. Contohnya, عليك (‘alay-ka), جعلناكم (ja‘alnā-kum), رسولنا (rasūlu-nā).

## Ya Nisbah

Transliterasi untuk huruf ya (ي) di hujung nama yang merupakan nisbah gelaran, maka hanya ditulis (-iy). Contohnya, الرازي (al-Raziy).

## Bahasa Ibrani

### Transliterasi Huruf

Huruf Ibrani	Transliterasi	Keterangan
א	a / ’	Seperti huruf alif (l) dalam Arab.
ע	a / ‘ / gh	( ‘ ) berbunyi seperti huruf ‘ain (ع), manakala “gh” berbunyi seperti gho’ (غ) dalam Arab.
ב / בּ	b/ <u>b</u>	<u>b</u> berfungsi seperti huruf “v”.
ג / גּ	g	
ד / דּ	d	
ה	h	
ח	ḥ	Seperti bunyi <i>ch</i> dalam <i>Loch Ness</i>
ו	w/ v	Ibrani klasik bunyi “w” manakala Ibrani moden bunyi “v.”
ז	z	
ת / תּ	t / <u>t</u>	

Huruf Ibrani	Transliterasi	Keterangan
ט	t	
י	y	
כ / כ / ך	k / <u>k</u> / <u>k</u>	<u>k</u> seperti bunyi <i>ch</i> dalam <i>Loch Ness</i>
ל	l	
מ / ם	m	
נ / ן	n	
ס	s	
פ / פ / ף	p / <u>p</u> / <u>p</u>	<u>p</u> seperti huruf fa' (ف) dalam Arab.
צ / ץ	ṣ	Seperti huruf tsa' (ث) dalam Arab.
ק	q	Sama ada seperti huruf k atau q.
ר	r	
שׁ	s	
שׁ	sh	Seperti huruf shin (ش) dalam Arab.

**Transliterasi Vokal** (huruf א sebagai contoh)

Vokal	Panjang [a, e, i, o, u]	Pendek [a, e, i, o, u]	Shewa bersama huruf א, ה, ו, ע [a, e, o]	Shewa [ey]
a	אֲ (א)	א (א)	אֱ (א)	אֵ (א)
e	אֵ (א) / אֵי (אי)	אֵ (א)	אֶ (א)	
i	אִי (אי)	אִ (א)	אִ (א)	
o	אֹ (או) / (א)	אֹ (א)	אֹ (א)	
u	אֻ (או) / אֻ (א)	אֻ (א)	אֻ (א)	

Adaptasi daripada:

*Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi* oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

*The Cambridge Introduction to Biblical Hebrew* oleh Brian L. Webster.

Tapak sesawang *Library of Congress*.

## SENARAI ISTILAH

ahli kitab	Kaum yang memiliki kitab suci yang diiktiraf oleh Islam, atau kaum yang mengikuti ajaran agama yg terkandung dalam kitab Taurat, Zabur dan Injil.
AS	Kependekan bagi <i>'alaḥī al-salām</i> (maksud: kesejahteraan ke atasnya) yang diucapkan apabila nama seseorang nabi disebut.
SAW	Kependekan bagi <i>ṣallā Allah 'alaḥī wa al-salām</i> (Allah merahmati dan memberikan kesejahteraan ke atasnya) yang diucapkan khusus bagi Nabi Muhammad.
Bible	Terdiri daripada Wasiat Lama dan Wasiat Baharu (New Testament) yang diimani oleh orang Kristian.
Israel	Merujuk kepada bangsa keturunan Nabi Yaakub AS.
pasuq	Merujuk kepada ayat-ayat Tanakh/ Wasiat Lama.
peyshat	Pemahaman zahir ayat (pasuq) Taurat berdasarkan kefahaman para rabbi Yahudi yang diwarisi secara turun-temurun.
rabbi	Sarjana atau ulama agama Yahudi.
Tanakh	Merujuk kepada Wasiat Lama (Old Testament) atau digelar juga sebagai Taurat Nas.
Taurat Lisan	Merujuk kepada riwayat Talmud dan Midrash.
Taurat	Merujuk kepada lima kitab pertama dalam Bible iaitu Genesis, Exodus, Leviticus, Numbers dan Deuteronomy. Juga mampu bermaksud Taurat Nas dan Taurat Lisan.
Yahudi/ Judaisme	Merujuk kepada agama anutan bangsa Israel.

**KONSEP KEMAKSUMAN NABI MENURUT JUDAISME:  
PENILAIAN SEMULA KRITIKAN SARJANA ISLAM**

**ABSTRAK**

Konsep kemaksuman para nabi menurut Islam tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran mahupun hadis. Ia mula dibahaskan dalam kalangan ulama apabila kaum Syiah menimbulkan isu tersebut. Perkara yang sama mampu terjadi kepada agama Yahudi juga. Terdapat sarjana Islam yang mendakwa bahawa konsep kemaksuman nabi tidak disebutkan oleh agama Yahudi. Selain itu, terdapat juga ulama Islam yang mendakwa kaum Yahudi hanya menetapkan kemaksuman nabi dalam penyampaian wahyu sahaja, tetapi tidak pada dosa-dosa besar. Mereka mengkritik Tanakh (Wasiat Lama) yang memaparkan kisah-kisah nabi yang secara zahirnya seperti melakukan dosa besar, tetapi kebanyakan sarjana Islam tersebut tidak merujuk kepada tafsiran para rabbi Yahudi. Namun begitu, terdapat perbezaan pendapat antara agamawan Yahudi sendiri bahawa adakah seseorang itu mampu tidak berdosa sepanjang hidupnya, tetapi mereka tidak pernah menyentuh hal itu terhadap para nabi secara khusus. Metodologi kajian ini adalah bersifat kualitatif iaitu secara kaedah kepustakaan, analisis tekstual serta induktif. Oleh itu, objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenali ciri-ciri nabi menurut agama Yahudi. Objektif kedua adalah mengkaji konsep kemaksuman nabi berdasarkan tafsiran para rabbi terhadap kisah-kisah nabi dalam Wasiat Lama yang dikritik oleh sarjana Islam. Objektif ketiga pula adalah menilai semula kritikan para sarjana Islam itu menurut kefahaman para rabbi. Kajian mendapati bahawa Lut tidak dianggap sebagai nabi di sisi agama Yahudi. Selain itu, para rabbi memiliki idea kemaksuman nabi walaupun tidak dinyatakan secara jelas, dan majoriti kritikan sarjana Islam tersebut adalah kurang tepat.



## **THE CONCEPT OF PROPHETS' INFALLIBILITY ACCORDING TO JUDAISM: RE-EVALUATION ON MUSLIM SCHOLARS' CRITICISM**

### **ABSTRACT**

The concept of prophet's infallibility according to Islam are not clearly stated in the Qur'an or hadith. It began to be debated among scholars when the Shiites raised the issue. The same thing could happen to Jewish religion as well. There are Muslim scholars who claim that the concept of prophets' infallibility is not mentioned by Jewish religion. In addition, there are also Muslim scholars who claim that the Jews only limited the prophets' infallibility concerning on delivery of revelation only, but not in major sins. They criticized the stories of the prophets in Tanakh (Old Testament) which outwardly seemed to have committed great sins, but most of these Islamic scholars did not refer to the interpretation of the Jewish rabbis. However, there are differences of opinion among the Jewish religious scholars themselves on one's ability of being innocent throughout his life, but had never mentioned about it upon the prophets particularly. The methodology of this study is qualitative by using the method of literature, textual analysis and inductive. Therefore, the first objective of this study is to identify the characteristics of the prophet according to Judaism. The second objective is to study the concept of the prophets' infallibility based on the rabbis' interpretation upon the prophets' stories in the Old Testament which was criticized by Islamic scholars. The third objective is to re-evaluate the criticism of the Islamic scholars based on the rabbis' understanding. Studies have found that the Jewish rabbis not considered Lot as a prophet. Besides that, the Jewish rabbis have the idea of the prophets' infallibility even though it is not explicitly stated, and most of the criticisms of Islamic scholars are inaccurate.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang

Maksum (مَعْصُوم) daripada segi bahasa berasal daripada lafaz عَصَمَ ('aşama) yang bermaksud “mencegah” (مَنْعَ)<sup>1</sup> atau “menahan” (الإمساك)<sup>2</sup>. Bahasa Melayu menggunakan perkataan “maksum” dengan maksud, “Terpelihara atau bebas daripada dosa.”<sup>3</sup> Umum umat Islam telah mengetahui konsep kemaksuman terhadap para nabi. Menurut al-Ghazzāliy, konsep kemaksuman para nabi daripada dosa besar dalam agama Islam adalah diketahui secara syarak, tetapi terdapat perbezaan pendapat mengenai keterpeliharaan mereka daripada dosa kecil.<sup>4</sup> Namun begitu, tiada kenyataan secara langsung mengenai kemaksuman (terhadap dosa) para nabi dalam al-Quran,<sup>5</sup> begitu juga dalam hadis sahih.<sup>6</sup> Pada asalnya, Nabi Muhammad SAW dan para sahabat tidak bercakap mengenai hal ini secara jelas melainkan baginda pernah berkata bahawa Allah merahmatinya dengan pengampunan:

“Tidak juga aku (memasuki syurga disebabkan amalan), kecuali aku diselubungi dengan keampunan serta rahmat Allah” (no. 6467).<sup>7</sup>

---

<sup>1</sup> Murtaḍā al-Zabidiy, Muḥammad. *Tāj al- 'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*. 40 jil. Jil. 33. Kuwait: Dār al-Hidāyah, 2001, 98.

<sup>2</sup> Al-Rāghib al-Aṣḥānīy, al-Ḥusain bin Muḥammad. *Al-Mufradāt fī Ḥarīb al-Qur'ān*. Tahqīq oleh Ṣafwān. Beirut: Dār al-Qalam, 1412H, 569.

<sup>3</sup> *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Suntingan oleh Hajah Noresah bt. Baharom (Ketua Editor) et al. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, 985.

<sup>4</sup> Al-Ghazzāliy, Abū Ḥāmid. *Al-Iqtīṣād fī al-I'tiqād*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004, 124.

<sup>5</sup> Adiseputra, Aloysius. “The Doctrine of the Impeccability of the Prophet as Elucidated by Fakhr Al-Dīn Al-Rāzī.” McGill University (Canada), 1984, 12.

<sup>6</sup> Elamir, Norah Sonya. “The Theological Concept of 'Isma from the Early to Modern Period of Islam.” The University of Texas at Austin, 2016, 10.

<sup>7</sup> Al-Bukhāriy, Muḥammad bin Ismā'īl. 1422H. *Al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūl Allah ﷺ wa Sunanih wa Ayyamih @ Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Tahqīq oleh Muḥammad Zuhāir. 9 jil. Jil. 8. Lubnan: Dār Ṭāuq al-Najāh, 1422H, 98. Ayat asal: وَلَا أَنَا، إِلَّا أَنْ يَتَّعَمَّنِي اللَّهُ بِمَغْفِرَةٍ وَرَحْمَةٍ

Setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW, Abū Bakr al-Ṣiddiq berkata kepada orang ramai:

“...Sesungguhnya Allah telah memilih Muhammad terhadap sekalian alam, dan memeliharanya (وَعَصَمَهُ) daripada kerosakan...”<sup>8</sup>

Menurut Bravmann, riwayat tersebut merupakan asal-usul penggunaan istilah *‘iṣmah* dengan makna terhindar daripada dosa.<sup>9</sup> Perbahasan *‘iṣmah al-anbiyā’* berkembang dalam Sunni kemungkinan besar adalah kerana pengaruh Syiah seperti Hishām bin al-Ḥakam (kurun ke-8 Masihi) yang mula-mula membangkitkan isu ini.<sup>10</sup> Buah fikiran Hishām tersebut dipengaruhi oleh ilmu kalam kerana dia merupakan ahli kalam Syiah.<sup>11</sup> Antara ulama ahli sunah kurun ke-8 yang membicarakan hal ini ialah al-Imam Abū Ḥanīfah dalam kitab yang dinisbahkan kepadanya berjudul *al-Fiqh al-Akbar*. Beliau menyatakan bahawa para nabi terpelihara daripada dosa besar dan kecil, tetapi mampu melakukan ketergelinciran dan kesilapan. Menurut Mullā ‘Aliy al-Qāriy, maksud ketergelinciran dan kesilapan itu adalah perilaku sebelum kenabian.<sup>12</sup> Jika kitab tersebut benar-benar sahih daripada Abū Ḥanīfah, maka beliaulah antara ulama ahli sunah yang terawal menyebutkan konsep *‘iṣmah al-anbiyā’* yang mungkin disebabkan pengaruh demografik keberadaan Syiah di tempatnya.

Secara umumnya, majoriti ulama Islam berpendapat bahawa para nabi hanya maksum terhadap dosa besar, tetapi tidak maksum terhadap dosa kecil. Ibn Taimiyyah menyatakan, hal tersebut turut dipersetujui oleh kelompok al-Ash‘ariyyah dan ahli

---

<sup>8</sup> Al-Barzanjiy, Muḥammad bin Ṭāhir. *Ṣaḥīḥ wa Ḍa‘if Tārīkh al-Tabarī*. 13 jil. Jil. 8. Beirut, Lubnan: Dār Ibn Kathīr, 2007, 24. Ayat asal: إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ مُحَمَّدًا عَلَىٰ الْعَالَمِينَ وَعَصَمَهُ مِنَ الْأَقَاتِ

<sup>9</sup> Bravmann, Meir M. “The Origin of the Principle of *‘iṣmah*: Muḥammad’s “Immunity from Sin”.” Dalam *Studies in Semitic Philology*: Brill, 1977, 455-56.

<sup>10</sup> Adiseputra, Aloysius. *Ibid.*, 15-8.

<sup>11</sup> Al-Shahrastāniy, Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm. *Al-Milal wa al-Niḥal*. Tahqiq oleh Fahmiy. 3 jil. Jil. 1. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992, 187.

<sup>12</sup> Al-Qāriy, ‘Aliy bin Muḥammad. *Minaḥ al-Rauḍ al-Azhar fī Sharḥ al-Fiqh al-Akbar*. Beirut: Dār al-Bashā‘ir al-Islamiyyah, 1998, 169-172.

kalam seperti al-Āmidīy.<sup>13</sup> Ahli kalam meletakkan perbahasan kemaksuman ini dalam topik *al-amānah*.<sup>14</sup> Inilah pendapat majoriti ahli fiqah, ahli hadis, ahli kalam daripada kalangan terdahulu dan terkemudian.<sup>15</sup> Oleh itu, perbahasan mengenai kemaksuman para nabi tidak ditimbulkan pada zaman Nabi Muhammad SAW dan permulaan Islam. Bahkan ia tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran dan hadis. Akan tetapi, ini tidaklah bermakna konsep kemaksuman para nabi itu tidak wujud dalam Islam.

Kes sebegini kemungkinan berlaku juga dalam agama Yahudi. Kitab suci mereka iaitu Taurat dan Talmud tidak diterangkan konsep kemaksuman para nabi secara jelas. Namun begitu, ini tidaklah bermakna konsep itu tidak wujud langsung, kerana mungkin isu ini tidak ditimbulkan dalam komuniti mereka sebagaimana yang berlaku pada awal perkembangan Islam. Kemungkinan wujudnya konsep kemaksuman para nabi menurut para sarjana Yahudi yang tidak diterokai secara teliti.

Hal ini demikian kerana jika dilihat kembali sejarah keilmuan antara agama Islam dan agama Yahudi, akan didapati bahawa agama Islam lebih terkehadapan dalam merekod khazanah ilmu. Contohnya, penulisan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW telah ditulis sejak zaman baginda lagi oleh ‘Abdullah bin ‘Amr RA.<sup>16</sup> Manakala “hadis-hadis” (Taurat Lisan) agama Yahudi hanya diwarisi secara lisan turun temurun sehinggalah dibukukan oleh Rabbi Yehudah ha Nasi kira-kira pada 200-220 Masihi,<sup>17</sup> iaitu lebih 1400 tahun selepas kewafatan nabi mereka iaitu Nabi Musa AS. Kelihatan

---

<sup>13</sup> Ibn Taimiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Ḥalīm. *Majmū’ al-Fatāwā*. 35 jil. Jil. 4. Arab Saudi: Majma’ al-Malik Fahd li Ṭabā‘ah al-Muṣṣhaf al-Sharīf, 1995, 319.

<sup>14</sup> Al-Baijūriy, Ibrāhīm bin Muḥammad. *Tuḥfah al-Murīd Sharḥ Jauharah al-Tauḥīd*. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004, 149.

<sup>15</sup> Al-Nawawiy, Yahyā bin Sharaf. *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Bin al-Hājāj*. 18 jil. Jil. 3. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiy, 1392H, 54.

<sup>16</sup> Mohammad Hashim Kamali. *Hadith Methodology: Authenticity, Compilation, Classification and Criticism of Hadith*. Selangor: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd, 2002, 36.

<sup>17</sup> *The Cambridge Companion to the Talmud and Rabbinic Literature*. Suntingan oleh Charlotte Elisheva Fonrobert & Martin S. Jaffee. New York: Cambridge University Press, 2007, xiv.

agama Yahudi kurang maju berbanding agama Islam. Oleh itu, tidak hairanlah jika konsep kemaksuman para nabi menurut agama Yahudi ini tidak diselaraskan atau jarang didengari dalam penulisan mengenai agama mereka.

Lambakan kritikan sarjana Islam terhadap Wasiat Lama (Old Testament) telah dibuat tanpa merujuk kepada tafsir kaum Yahudi. Kebanyakan penulis serta sarjana beragama Islam yang mengkritik Bible, mereka sering memaparkan kisah-kisah para nabi daripada Bible yang menggambarkan mereka dengan sikap hina bahkan pendosa. Namun begitu, kisah-kisah ini tidaklah disertai tafsiran sarjana Yahudi. Para sarjana Islam hanya berpada dengan teks Bible dan sebahagiannya mentafsirkan dengan konteks pemahaman orang Kristian. Sedangkan Wasiat Lama itu pertama kali diturunkan kepada kaum Yahudi dengan bahasa mereka sendiri. Allah menyuruh umat Islam untuk berlaku adil:

... وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْا اَعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۗ ... ﴿٨﴾

...Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa... (Al-Mā'idah 5:8)

Menurut al-Ṭabariy, Allah suruh berlaku adil kepada setiap manusia sama ada kawan atau lawan, berurusan terhadap mereka dengan hukum-hakam Allah dan tidak memperlakukan mereka dengan sewenang-wenangnya.<sup>18</sup> Oleh itu, membuat dakwaan terhadap seseorang itu dengan pantas tanpa melihat keterangan-keterangan mereka adalah sebuah perbuatan yang kurang tepat.

---

<sup>18</sup> Al-Ṭabariy, Muḥammad bin Jarīr. *Jāmi' al-Bayān an Ta'wīl Āy al-Qur'ān @ Tafsir al-Ṭabariy*. Tahqiq oleh 'Abd Allah al-Turkī. 26 jil. Jil 8. Mesir: Dār Hajar, 2001, 224.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Konsep kenabian menurut agama Yahudi telah dibahasakan oleh beberapa sarjana. Konsep kenabian pada asalnya adalah kurang jelas di sisi agama Yahudi, hal ini diakui oleh sarjana Kristian, “The origins and early development of Hebrew prophecy are somewhat obscure.”<sup>19</sup> Umat Islam juga berbeza pendapat mengenai konsep kenabian dengan kaum Yahudi. Contohnya, menurut Talmud, Danial (דניאל) bukanlah seorang nabi.<sup>20</sup> Namun begitu, Abū Mūsā menjumpai sekujur mayat yang masih elok yang dikatakan sebagai Danial dan ‘Umar al-Khaṭṭāb mengatakan mayat itu ialah seorang nabi dengan berdalilkan bahawa bumi tidak akan memakan jasad para nabi.<sup>21</sup> Talmud menyatakan bahawa terdapat 48 nabi lelaki yang disebut dalam Wasiat Lama, akan tetapi para sarjana Yahudi berbeza pendapat dalam menyenaraikan 48 nama para nabi tersebut.<sup>22</sup>

Hal ini menimbulkan persoalan terhadap ciri-ciri asas kenabian menurut agama Yahudi kerana Talmud tidak menyatakan secara jelas siapakah 48 nabi lelaki itu. Maka adalah mustahak untuk mengetahui asas ciri-ciri kenabian serta gelaran mereka menurut agama Yahudi. Perkara ini perlu difahami kerana umat Islam boleh tersalah faham dengan menganggap sesebuah watak dalam Wasiat Lama itu sebagai nabi lalu mengaitkannya dengan isu kemaksuman nabi menurut agama Yahudi. Perkara ini sudah semestinya akan menatijahkan kesimpulan yang salah serta mengelirukan

---

<sup>19</sup> John L. McKenzie. *Dictionary of the Bible*. London: Geoffrey Chapman Publishers, 1975, 694.

<sup>20</sup> Megillah 3a:11-12. Ayat asal: (דניאל י, ז) וראיתי אני דניאל לבדי את המראה והאנשים אשר היו עמי לא ראו את המראה אבל חרדה גדולה נפלה עליהם ויברחו בהחבא מאן נינהו אנשים אמר ר' ירמיה ואיתימא רבי חייא בר אבא זה חגי זכריה ומלאכי. אינהו עדיפי מיניה ואיהו עדיף מיניה אינהו עדיפי מיניה דאינהו נביאי ואיהו לאו נביא איהו עדיף מיניהו דאיהו חזו ואינהו לא חזו

<sup>21</sup> Ibn Abī Shaybah, ‘Abd Allah bin Muḥammad. *Al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-Aḥādīth wa al-Āthār @ Muṣannaf Ibn Abī Shaībah*. Tahqīq oleh Kamāl Yūsuf. 7 jil. Jil. 7. Riyad, Arab Saudi: Maktabah al-Rushd, 1409H, 4, no. 33818 & 33819.

<sup>22</sup> Gafney, Wilda C. M. “She Declared to Them, ‘So Says Yhwh, the God of Israel’: An Examination of Female Prophets in Ancient Israel.” Duke University, 2006, 32.

masyarakat. Oleh itu, permasalahan pertama dalam kajian ini adalah cara hendak mengenal pasti seseorang itu ialah nabi menurut agama Yahudi. Hal ini perlu didasari dengan kajian teks-teks Wasiat Lama yang telah dilakukan oleh beberapa sarjana.

Seterusnya, konsep kemaksuman para nabi di sisi Yahudi memiliki sedikit kekeliruan kerana nas kitab suci mereka seolah-olah menunjukkan para nabi mampu melakukan dosa besar. Rashīd Riḍā mendakwa bahawa ahli kitab tidak menyentuh mengenai kemaksuman para nabi:

Ahli kitab (Yahudi & Kristian) tidak menyebutkan konsep *'iṣmah al- anbiyā'*, kitab-kitab suci mereka mendakwa para nabi melakukan perbuatan keji yang besar yang menafikan kebaikan mereka bahkan menjadi teladan yang buruk.<sup>23</sup>

Namun begitu, hal ini kelihatan sedikit bertentangan dengan kenyataan Ronald L. Eisenberg bahawa para rabbi Yahudi berselisih pendapat mengenai adakah seseorang manusia itu mampu hidup tanpa dosa. Sebahagiannya mengatakan seseorang itu mampu tiada dosa dalam hidupnya, manakala sebahagian lagi berpendapat sebaliknya.<sup>24</sup> Walaupun para rabbi hanya menyebut isu kemaksuman manusia secara umum, tetapi boleh jadi kemaksuman itu diterapkan kepada para nabi secara tidak sedar. Oleh itu, permasalahan kedua dalam kajian ini adalah mengenai kewujudan perbahasan kemaksuman terhadap para nabi menurut sarjana Yahudi.

Rentetan daripada permasalahan kedua, ramai sarjana Islam seperti Ibn Ḥazm, Ibn al-Qayyīm, Muḥammad 'Imārah, Naser al-Moghamis, 'Umar Sulaimān al-Ashqar dan lain-lain yang mengkritik sebahagian kisah nabi dalam Wasiat Lama. Hal ini

---

<sup>23</sup> Rashīd Riḍā, Muḥammad. *Al-Wahy al-Muḥammadiy*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2005, 31. Ayat asal: وأهل الكتاب لا يقولون بهذه العصمة، وكتبهم المقدسة ترمى بعض كبار الأنبياء بكبار الفواحش المنافية لحسن الأسوة، بل المجرئة على الشرور والمفاسد

<sup>24</sup> Eisenberg, Ronald L. *What the Rabbis said: 250 topics from the Talmud*. Santa Barbara, California: Greenwood Publishing Group, 2010, 108.

demikian kerana terdapat banyak kisah dalam Wasiat Lama yang menggambarkan seolah-olah para nabi ialah pendosa dan melakukan kehinaan. Antara sarjana Islam yang terawal mengemukakan teori kemaksuman nabi menurut agama Yahudi ialah Ibn Ḥazm:

Sebahagian kelompok berpendapat bahawa para rasul SAW mampu melakukan maksiat yang besar mahupun kecil secara sengaja, kecuali dalam hal penyampaian (wahyu) sahaja. Inilah pendapat al-Karrāmiyyah, al-Murji‘ah, Ibn al-Tīb al-Bāqilāniy daripada kelompok al-Ash‘ariyyah serta yang mengikutinya. Ini juga merupakan pendapat agama Yahudi dan Nasrani, aku mendengar khabar daripada sebahagian kelompok al-Karrāmiyyah bahawa mereka (Yahudi & Nasrani) berpendapat diharuskan juga ke atas para rasul untuk berdusta dalam menyampaikan (wahyu).<sup>25</sup>

Teori Ibn Ḥazm ini boleh dikatakan dianuti oleh ramai sarjana Islam. Tetapi kenyataan beliau tidak konsisten kerana Ibn Ḥazm juga menukikan khabar angin daripada sebahagian kelompok al-Karrāmiyyah yang mendakwa bahawa ahli kitab menganggap para rasul mampu berdusta dalam menyampaikan (wahyu). Akan tetapi, perbezaan pendapat antara sarjana Yahudi sebagaimana yang dikemukakan oleh Ronald L. Eisenberg tadi mampu menafikan teori Ibn Ḥazm ini. Oleh itu, permasalahan ketiga dalam kajian ini adalah berkenaan ketepatan kritikan sarjana Islam terhadap kisah-kisah para nabi dalam Wasiat Lama. Jika para rabbi menafikan dosa dalam kisah-kisah tersebut, maka ia menjadikan kritikan para sarjana Islam tersebut kelihatan seperti dakwaan semata-mata.

### 1.3 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti ciri-ciri kenabian menurut para pengkaji Wasiat Lama.

---

<sup>25</sup> Ibn Ḥazm, ‘Aliy. T.thn. *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā’ wa al-Niḥal*. 5 jil. Jil. 4. Kaherah: Maktabah al-Khānajiyy, T.thn., 2. Ayat asal: فَذَهَبَتْ طَائِفَةٌ إِلَى أَنْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْصُونَ اللَّهَ فِي جَمِيعِ الْكِبَائِرِ وَالصَّغَائِرِ عَمْدًا حَاشَى الْكُذْبِ فِي التَّبْلِيغِ فَقَطْ وَهَذَا قَوْلُ الْكِرَامِيَّةِ مِنَ الْمَرْجِنَةِ وَقَوْلُ ابْنِ الطَّيِّبِ الْبَاقِلَانِيِّ مِنَ الْأَشْعَرِيَّةِ وَمَنْ اتَّبَعَهُ وَهُوَ قَوْلُ الْيَهُودِ وَالنَّصَارَى وَسَمِعْتُ مَنْ يَحْكِي عَنْ بَعْضِ الْكِرَامِيَّةِ أَنَّهُمْ يَجْرِزُونَ عَلَى الرَّسُولِ عَلَيْهِمُ السَّلَامُ الْكُذْبَ فِي التَّبْلِيغِ أَيْضًا



2. Mengkaji konsep kemaksuman para nabi menurut agama Yahudi.
3. Menilai kefahaman yang dikemukakan oleh sarjana Islam dalam mengkritik ayat-ayat Wasiat Lama yang berkaitan dosa para nabi.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Apakah ciri-ciri kenabian menurut para pengkaji Wasiat Lama?
2. Wujudkah konsep kemaksuman para nabi menurut agama Yahudi berdasarkan pemahaman sarjana mereka?
3. Benarkah kritikan serta kefahaman para sarjana Islam terhadap ayat-ayat Wasiat Lama yang berkaitan dosa para nabi?

#### **1.5 Sorotan Kajian Lepas**

Berdasarkan permasalahan kajian serta objektif kajian, maka dikategorikan sorotan kajian lepas kepada tiga tema utama. Tema pertama ialah “Karya Perbahasan Kenabian Dalam Wasiat Lama” yang bertujuan untuk mencari kajian-kajian berkenaan konsep kenabian agama Yahudi agar dapat membina satu garis panduan yang mudah dan padat dalam mengenali para nabi menurut Yahudi.

Tema kedua ialah “Karya Perbahasan Mengenai Kemaksuman Nabi” bertujuan untuk memastikan tiada lagi kajian lengkap yang membahaskan berkenaan konsep kemaksuman nabi menurut agama Yahudi. Tema ketiga pula ialah “Karya Kritikan Sarjana Islam” bertujuan untuk melihat karya-karya sarjana Islam yang mengkritik kisah para nabi dalam Wasiat Lama, dan memastikan bahawa tiada lagi kajian yang menilai semula pandangan mereka.

### 1.5.1 Karya Perbahasan Kenabian Dalam Wasiat Lama

Terdapat beberapa kajian yang membahas konsep kenabian menurut agama Yahudi secara khusus dan terperinci.

Safiah Binti Abd. Razak telah menulis sebuah disertasi yang berjudul “Konsep kerasulan menurut agama Yahudi: suatu kajian khusus dalam Bible Perjanjian Lama dan pandangan Islam terhadapnya.” Sebagaimana tajuknya, Safiah membahas konsep kerasulan dalam agama Yahudi yang kebanyakannya beliau ambil daripada pandangan sarjana Barat serta Islam. Safiah tidak menukilkan pandangan sarjana Yahudi, hal ini membuatkan sesetengah rumusan beliau menyalahi kefahaman agama Yahudi. Antara kesimpulan hasil kajiannya terhadap konsep kerasulan menurut agama Yahudi ialah mereka hanya mengkhususkan kenabian bagi bangsa Yahudi, para nabi berperangai keji dan Nabi Musa AS ialah nabi terbesar dan membawa syariat terakhir.

Buku berjudul *The Prophets* oleh Abraham Joshua Heschel merupakan karya yang sangat baik dalam memahami sifat-sifat kenabian menurut agama Yahudi. Antara yang dibahaskan ialah sifat kemanusiaan yang umum seperti keadilan, kemudian perbahasan ciri-ciri kenabian seperti ekstasi dan wahyu.

Fred Miller dalam artikel jurnalnya, “Prophecy in Judaism and Islam” membahas perbezaan kenabian antara Yahudi dan Islam dengan menjadikan Nabi Musa AS dan Muhammad SAW sebagai contoh perbahasan. Beliau merumuskan bahawa Nabi Musa AS merupakan paradigma bagi kenabian, manakala al-Quran telah membawa kerangka kerja yang praktikal berdasarkan perkembangan kenabian di Tanah Israel.

William Michael Schniedewind dalam disertasinya, “Prophets, prophecy, and inspiration: A study of prophecy in the Book of Chronicles” membahas konsep kenabian secara khusus dalam *Book of Chronicles*. Beliau melampirkan ciri-ciri yang ada pada seseorang yang digelar sebagai “prophet” dan “inspired messenger,” kemudian melakukan perbandingan.

Howard Theodore Kreisel dalam disertasinya, “THEORIES OF PROPHECY IN MEDIEVAL JEWISH PHILOSOPHY” membahas teori konsep kenabian yang dikemukakan oleh ahli falsafah Yahudi yang hidup semasa Zaman Pertengahan. Ahli falsafah yang dikutip teori mereka dalam disertasi ini ialah Saadiah Gaon, Halevi, Judah Halevi, Moses Maimonides, Gersonides dan Hasdai Crescas.

Wilda Gafney dalam disertasinya, “She declared to them, ‘So says Yhwh, the God of Israel’: An examination of female prophets in ancient Israel” membahas nabi-nabi wanita menurut agama Yahudi. Gafney menganalisa secara ringkas terhadap istilah “nabi” dalam Mishnah, Midrash, Talmud dan teks klasik Kristian. Beliau juga membahas ciri kenabian dalam Wasiat Lama. Kemudian beliau melakukan analisis mengenai ciri-ciri yang wujud pada wanita-wanita tersebut yang menyebabkan mereka dianggap sebagai nabi oleh para rabbi. Gafney juga melakukan analisa terhadap nabi wanita di Timur Tengah Purba.

Julie Hilton Danan dalam disertasinya, “The Divine Voice in Scripture: Ruah ha-Kodesh in Rabbinic Literature” membahas makna Roh Suci serta peranannya menurut karya para rabbi klasik. Beliau juga menyimpulkan bahawa Roh Suci tidak beredar daripada umat Israel setelah kematian nabi terakhir mereka, sebaliknya hanya bertukar peranan dalam memberikan ilham kepada para rabbi.

Edward Lee Beavin “*RUAH HAKODESH IN SOME EARLY JEWISH LITERATURE*” menganalisa makna Roh Suci sebagaimana yang ada pada Wasiat Lama, kitab-kitab *apocrypha* dan *pseudepigrapha*, karya zaman Tannaitic dan skrol-skrol Qumran. Beliau menyimpulkan bahawa terdapat sedikit perbezaan makna Roh Suci dalam karya-karya tersebut.

Natijahnya, terdapat banyak kajian yang lengkap dalam mengenali sifat-sifat kenabian. Hanya sanya kebanyakan kajian itu menyertakan sekali sifat-sifat duniawi sebagai seorang nabi seperti menyanyi dan bermain muzik. Oleh itu, kajian-kajian tersebut membantu pengkaji untuk mengumpulkan sifat-sifat kenabian yang khusus dimiliki oleh seseorang nabi.

### **1.5.2 Karya Perbahasan Kemaksuman Nabi**

Terdapat beberapa kajian yang membahaskan konsep kemaksuman nabi menurut agama Yahudi. Namun begitu, kesemua kajian ini memiliki kecacatan dan tidak lengkap.

Nurul Atiqah daripada Universiti Malaya membuat kajian dalam tesis sarjana beliau berjudul “Kajian perbandingan konsep kemaksuman Nabi dan Rasul dalam Al-Quran dan Bible.” Tesis ini membahaskan konsep kemaksuman nabi antara agama Islam dan Kristian sahaja. Beliau menggunakan sumber rujukan penulisan ilmiah sarjana Islam serta Kristian. Namun begitu, beliau langsung tidak menyentuh secara terperinci terhadap ayat-ayat Bible yang mengisahkan dosa-dosa para nabi melainkan hanya menyebut kesalahan para nabi itu sepintas lalu. Kajian ini menyimpulkan bahawa agama Kristian mempercayai konsep kemaksuman terhadap Jesus (Nabi Isa AS), Peter dan para paus.

Hafiz Muhammad Farooq Abdullah dalam disertasi beliau yang berbahasa Urdu berjudul تصور عصمت انبياء اور مذاہب ثلاثہ (Konsep Kemaksuman Para Nabi Menurut Tiga Agama Semitik), membahaskan perbandingan konsep kemaksuman para nabi dalam agama semitik iaitu Yahudi, Kristian dan Islam. Beliau membahaskan konsep kemaksuman para nabi menurut agama Yahudi pada bab kedua. Beliau hanya menukilkan kenyataan dalam Wasiat Lama berdasarkan Talmud dan beberapa buku terjemahan serta buku panduan Bible. Disebabkan tesis beliau dalam bahasa Urdu, maka pengkaji menemu ramah Prof. Madya Dr. Farooq Abdullah melalui aplikasi Zoom pada tarikh 28 Disember 2020. Beliau menyimpulkan mengenai kemaksuman nabi menurut agama Yahudi sama seperti yang difahami oleh sarjana lain iaitu orang Yahudi tidak menghormati para nabi mereka dan menisbahkan dosa besar kepada para nabi. Pada akhir tesis, beliau membahaskan undang-undang antarabangsa terhadap pencela agama khususnya berkenaan para nabi.

Safiah Binti Abd. Razak dalam disertasinya yang berjudul “Konsep kerasulan menurut agama Yahudi: suatu kajian khusus dalam Bible Perjanjian Lama dan pandangan Islam terhadapnya” ada membahaskan konsep kemaksuman para nabi di sisi agama Yahudi pada Bab 3. Beliau menyertakan beberapa contoh kisah nabi berkaitan dosa, dan disertakan sekali sikap kaum Yahudi terhadap Nabi Isa AS. Namun begitu, beliau mentafsirkannya menurut kefahaman sendiri tanpa mengutip mana-mana tafsir daripada para rabbi dan hanya merujuk kepada ulasan sarjana Barat serta sarjana Islam. Kemudian Safiah menyimpulkan, “Pendapat-pendapat ahli sejarah Islam di atas membuktikan lagi bahawa Bible Perjanjian Lama meletakkan akhlak dan tingkahlaku rasul-rasul pada tahap yang sangat rendah dan hina sekali. Malah rasul-rasul seakan menjadi pemimpin dalam soal maksiat dan jenayah.” Kesimpulan Safiah

ini adalah berdasarkan tafsirannya sendiri terhadap Wasiat Lama, dan hanya disokong oleh pendapat sarjana Barat serta Islam.

Omolbanin Rezai & Abbas Ashrafi dan artikel mereka dalam bahasa Parsi berjudul *عصمت پیامبران در قرآن و عهدین* (Kemaksuman Para Nabi Menurut al-Quran dan Wasiat-wasiat) membandingkan kemaksuman serta sifat semula jadi para nabi dan juga definisinya dalam al-Quran dan Bible. Kedua-dua kitab suci ini mengiktiraf kemaksuman para nabi dalam penyampaian wahyu. Al-Quran memberikan beberapa contoh *tark al-awlā* (meninggalkannya adalah lebih baik) yang dilakukan oleh para nabi. Manakala Bible menganggap mereka telah cenderung kepada dosa.

Tesis yang ditulis oleh Zuhairhan dan Ouha Khafal berjudul “Tahlīl Muqāran li al-Qaṣaṣ al-Qur‘āniyyah wa al-Injīliyyah fī Hijrah al-Nabi Mūsā ilā Madyān” (Analisis Perbandingan Terhadap Kisah Al-Quran & Bible Perihal Hijrah Nabi Musa Ke Madyan) membahaskan hijrah Nabi Musa AS ke Madyan yang dikisahkan dalam al-Quran dan Holy Bible. Kajian ini melakukan analisis komparatif dan tekstual dan mendapati terdapat perbezaan ketara antara dua versi kisah dalam kedua-dua kitab iaitu hijrah Nabi Musa AS dalam al-Quran adalah kerana baginda membunuh secara tidak sengaja, manakala dalam Bible adalah kerana sengaja. Hasil kajian mendapati bahawa kisah dalam al-Quran lebih logik berbanding Bible.

Amos Frisch menulis artikel jurnal berjudul “Malbim’s Approach to the Sins of Biblical Personages” yang membahaskan sikap simpati Malbim terhadap perbuatan negatif sebahagian watak-watak Wasiat Lama dengan tafsiran yang positif. Antara nabi yang dibahaskan ialah kisah Daud dengan Batsheba dan kisah Sulaiman bernikah dengan anak Firaun. Artikel ini hanya mengkhususkan pendapat Malbim sahaja.

Berdasarkan sorotan karya ini, tiada kajian yang melakukan analisa terperinci mengenai konsep kemaksuman para nabi menurut pandangan sarjana Yahudi. Mereka hanya mengkaji konsep kemaksuman berdasarkan agama Kristian, pendapat orientalis dan juga pandangan sarjana Islam. Tambahan pula, kebanyakan kesimpulan yang dilakukan oleh sarjana Islam hanya menukilkan Bible lalu mentafsirkannya menurut konteks ayat itu semata-mata tanpa melihat huraian para rabbi.

### 1.5.3 Karya Kritikan Sarjana Islam

Terdapat banyak kitab atau tesis yang mengkritik kisah para nabi dalam Wasiat Lama oleh para sarjana Islam secara umum atau ringkas. Manakala kritikan secara terperinci, hanya sedikit sahaja.

Ibn Ḥazm ialah ulama terawal yang dikesan mengkritik kisah-kisah para nabi dalam Wasiat Lama secara menyeluruh. Kitabnya yang berjudul *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal* ialah kitab perbandingan agama. Beliau menukilkan sejarah-sejarah yang terkandung dalam Wasiat Lama, kemudian mengkritik kenyataan Wasiat Lama daripada sudut fakta sejarah, teologi mahupun kenabian.

Ibn al-Qayyim pula dalam kitabnya, *Hidāyah al-Ḥayārā fī Ajwibah al-Yahūd wa al-Naṣārā* menukilkan secara ringkas berkenaan kenyataan-kenyataan Wasiat Lama yang beliau anggap menyalahi logik akal dan tidak layak dinisbahkan kepada Tuhan atau nabi.

Najm al-Dīn al-Ṭūfiy mengarang kitab yang mentafsirkan empat versi Injil serta beberapa kitab dalam Wasiat Lama. Manuskrip kitab beliau telah ditahkik serta diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Lejla Demiri dengan judul baharu, *Muslim Exegesis of the Bible in Medieval Cairo: Najm al-Dīn al-Ṭūfiy's Commentary*

*on the Christian Scriptures*. Al-Ṭūfiy turut menyentuh beberapa isu kemaksuman nabi dalam kitabnya itu.

Aḥmad Ḥijāziy al-Saqā dalam bukunya *Naqd al-Taurāh: Asfār Musā al-Khamsah* juga ada membahaskan beberapa kisah para nabi yang berkaitan dosa serta kehinaan. Kitab ini menjadi rujukan Safiah Binti Abd. Razak dalam menghasilkan disertasinya.

Muḥammad Māḍiy dalam kitabnya *‘Iṣmah al-Anbiyā’ bayna al-Yahudiyyah wa al-Masḥiyyah wa al-Islām* membahaskan isu kemaksuman secara khusus menurut agama Yahudi dan Kristian menurut sudut pandang Islam.

‘Umar Sulaimān al-Ashqar dalam siri kitab akidahnya yang berjudul *al-Rusul wa al-Risālāt* membahaskan konsep kenabian menurut Islam. Kemudian beliau ada menyelitikan konsep kemaksuman para nabi menurut ahli kitab dengan menukikkan kisah-kisah mereka secara ringkas. Kitab ini juga menjadi rujukan disertasi Safiah Binti Abd. Razak.

Muḥammad ‘Imārah dalam kitabnya *Al-Anbiyā’ fī al-Qur’ān al-Karīm wa al-Kitāb al-Muqaddas: Ṣūrah al-Anbiyā’ baīma al-‘Iṣmah wa al-Izdirā’* membahaskan secara ringkas berkenaan gambaran para nabi dalam Wasiat Lama menurut beberapa kisah mereka.

Sa‘ūd bin ‘Abd al-‘Azīz al-Khalaf dalam kitabnya, *Dirāsāt fī al-Adyān al-Yahūdiyyah wa al-Naṣraniyyah* menyebut secara ringkas berkenaan kisah-kisah para nabi dalam Wasiat Lama yang menggambarkan bahawa mereka tidak terpelihara daripada dosa besar.



Ghasān ‘Āṭif Badrān dalam tesisnya “(Dirāsah Muqāranah) Qissah Ādam bayna al-Qur‘ān al-Karīm wa al-Taurah” membandingkan kisah Adam yang ada dalam al-Quran sert Taurat. Beliau tidak menggunakan rujukan Taurat Lisan dalam mendakwa sesetengah kenyataan Taurat Nas.

Jihād Muḥammad dalam tesisnya “Qiṣṣah Lūṭ bayna al-Qur‘ān al-Karīm wa al-Taurāh: Dirāsāt Muqāranah” ada membahaskan serba sedikit mengenai isu kemaksuman beberapa nabi menurut Wasiat Lama.

A‘id al-Dawsariy dalam artikelnya “Taqdīm Lūṭ Ibnataih li Qaumih fī al-Taūrāh wa al-Qur‘ān Dirāsah Muqāranah” membahaskan berkenaan sikap Nabi Lut AS yang menawarkan anak perempuannya kepada kaumnya ketika malaikat menjadi tetamu berdasarkan riwayat dalam al-Quran dan Taurat. Walaupun perkara ini wujud dalam kedua-dua kitab, tetapi tafsiran sarjana masing-masing adalah berbeza kerana konteks yang berlainan yang digambarkan dalam kedua-dua kitab. Kajian mendapati bahawa gambaran watak Nabi Lut AS menurut para rabbi terbahagi kepada dua pandangan iaitu positif dan negatif, manakala al-Quran tidak sebegitu.

Khaleel Mohammed dalam bukunya *David in the Muslim Tradition: The Bathsheba Affair* membahaskan tafsiran al-Quran berkenaan kisah dua orang yang memanjat mihrab Nabi Daud AS untuk meminta penghakiman, yakni dalam surah Sad (38) ayat 21-25. Ayat ini dikatakan memiliki kaitan dengan kisah dalam Holy Bible bahawa Daud merampas isteri Uriyah (Bathsheba), kemudian Nabi Natan menasihatinya dengan memberikan perumpamaan seseorang yang mengambil kambing milik orang lain. Khaleel membahagikan kepada empat zaman ahli tafsir iaitu antara 737 Masihi hinggalah kurun ke-19 serta zaman ini. Pengkaji membuktikan terdapat evolusi dalam memahami kesalahan Nabi Daud AS. Ahli tafsir pada zaman

awal memiliki beberapa tafsiran terhadap kesalahan Daud, yang kebanyakannya berkisar tentang Batsheba (isteri Uriyah) dan pengutusan Uriyah ke barisan hadapan peperangan (agar cepat mati). Al-Rāziy antara ahli tafsir yang mengelakkan diri daripada memakai riwayat-riwayat yang berbau Israiliyyat ini dengan menumpukan bahawa kesalahan Daud hanyalah kerana tidak mendengar pembelaan daripada orang yang dituduh. Pada bab ke-6, pengkaji juga menunjukkan evolusi yang hampir sama terjadi pada tradisi tafsiran kaum Judeo-Kristian.

Naser al-Moghamis dalam bukunya *Christianity & Islam According to The Bible & The Qur'an* membuat perbandingan antara al-Quran dan Bible secara ringkas mengenai pelbagai isu yang dianggap keji, termasuklah isu kemaksuman nabi.

Berdasarkan sorotan karya mengenai kritikan para sarjana Islam yang telah disebutkan ini, kebanyakannya hanya menukilkan kisah-kisah tersebut secara sepintas lalu tanpa melihat kepada tafsiran para rabbi, dan hanya mentafsirkan secara mandiri. Manakala yang menukilkan pandangan para rabbi secara adil, hanyalah kajian terperinci sesuatu kisah seperti kajian A'īd al-Dawsariy dan Khaleel Mohammed, tetapi tidak menyimpulkan konsep kemaksuman para nabi dalam Taurat secara umum. Selain itu juga, tiada yang menilai semula kritikan para sarjana Islam ini dengan memaparkan pandangan para sarjana Yahudi secara kritis.

## **1.6 Skop & Batasan Kajian**

Membahaskan kesemua nabi yang wujud dalam Wasiat Lama mampu membuatkan perbahasan dalam kajian ini menjadi terlalu panjang dan tebal. Oleh itu, batasan pemilihan nabi-nabi tertentu dilakukan menurut tiga kategori utama iaitu:

1. Nabi

- Para nabi yang jelas diiktiraf oleh Islam.
- Para nabi yang disebut oleh sarjana Islam ketika mengkritik Wasiat Lama.

Pemilihan sedemikian kerana hendak dinilai semula tafsiran dan pendapat sarjana Islam, dan mereka hanya membahaskan para nabi yang jelas diiktiraf dalam Islam.

## 2. Dosa

- Isu dosa besar.
- Isu dosa menipu.

Dua kriteria mengenai isu dosa ini adalah berdasarkan definisi Ibn Ḥazm yang mendakwa bahawa para nabi menurut agama Yahudi mampu melakukan maksiat yang besar secara sengaja, kecuali dalam hal penyampaian (wahyu) sahaja. Beliau juga menukilkan bahawa dikatakan para rasul mampu berdusta dalam menyampaikan (wahyu).<sup>26</sup> Oleh itu, ada dua komponen umum berdasarkan dakwaan ini iaitu dosa besar dan berdusta.

Talmud menyebutkan tiga dosa besar yang dikenakan hukuman bunuh iaitu syirik, hubungan terlarang serta pembunuhan (Sanhedrin 74a:12). Maka dipilih kisah-kisah yang berkaitan tiga dosa tersebut seperti membina berhala, menyimpan patung berhala, membina tokong, tidak beriman kepada Tuhan, berzina, sumbang mahram, diam terhadap perzinaan, membunuh rakyat. Manakala perbuatan menipu memiliki kaitan dengan penyampaian wahyu, Talmud menyebutkan:

Tuhan membenci tiga jenis orang iaitu, orang yang bercakap pada mulutnya tetapi dalam kalbunya berbeza (menipu), saksi yang tidak memberikan testimoni kepada pelaku yang sepatutnya, dan orang

---

<sup>26</sup> Ibn Ḥazm, 'Aliy. *Ibid.*, Jil. 4, 2.

yang menyaksikan perbuatan gasang tetapi hanya memberikan testimoni kepadanya seorang saja.<sup>27</sup>

Rabbi Yirmeya bar Abba berkata, “Empat jenis manusia yang tidak akan disapa oleh Shekinah; jenis sinis, jenis pemuji, jenis penipu dan jenis pemfitnah.”<sup>28</sup>

Berdasarkan kenyataan Talmud ini, penipu ialah orang yang tidak akan disapa oleh Shekinah dan dibenci Tuhan. Shekinah ialah sejenis semangat atau roh yang ada kaitan dengan penyampaian wahyu sebagaimana yang diterangkan dalam Bab 2 kelak. Selain itu, Rabbi Elazar juga berkata, “Sesiapa yang meminda (kebenaran) pada ucapannya, maka dia seperti menyembah berhala.”<sup>29</sup> Kenyataan ini menggambarkan betapa sifat menipu itu tidak layak bagi seorang nabi.

Oleh sebab perbahasan ini dikaitkan dengan kritikan Islam, maka dosa besar menurut Islam juga dimasukkan iaitu perilaku meminum air yang memabukkan. Hal ini demikian kerana budaya meminum wain sering ditonjolkan dalam Wasiat Lama.

### 3. Sarjana

Istilah “sarjana Islam” yang dimaksudkan bukanlah merujuk kepada istilah “ulama” yang difahami sebagai orang yang pakar dalam pengetahuan Islam. Menurut Kamus Dewan,<sup>30</sup> sarjana memiliki dua maksud:

- Orang yang pandai-pandai (bijak), ahli dalam ilmu pengetahuan, cendekiawan.

---

<sup>27</sup> Pesachim 113b:2. Ayat asal: שְׁלֹשָׁה הִקְדוּשׁ בְּרוּךְ הוּא שׁוֹנֵאֵן הַמְדַבֵּר אֶתְד בְּפֶה נֶאֱתָד בְּלֵב וְהִיָּדַע עֲדוֹת בְּחִבּוּרָו וְאִינוּ מְעִיד לוֹ וְהַרְוֵאָה דְּבַר עֲרֻנָּה בְּחִבּוּרָו וּמְעִיד בּוֹ יְחִידִי

<sup>28</sup> Sotah 42a:4. Ayat asal: א"ר ירמיה בר אבא ארבע כיתות אין מקבלות פני שכינה כת ליצים וכת חניפים וכת שקרים וכת מספרי לשון הרע

<sup>29</sup> Sanhedrin 92a:19. Ayat asal: ואמר רבי אלעזר כל המחליף בדבורו כאילו עובד ע"ז כתיב

<sup>30</sup> *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Suntingan oleh Hajah Noresah bt. Baharom (Ketua Editor) et al. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, 1394.

- Gelaran orang yang telah melengkapinya pelajaran di universiti (telah mendapat ijazah).

Pengkaji menggunakan kedua-dua definisi tersebut dalam kajian ini. Bagi definisi pertama, ahli ilmu yang dimaksudkan ialah mereka yang memiliki pengetahuan Wasiat Lama dan pernah membahaskannya dalam kitab mereka. Berikut ialah senarai ahli ilmu tersebut:

- |                         |                                     |
|-------------------------|-------------------------------------|
| • Ibn Ḥazm              | • Sa‘ūd bin ‘Abd al-‘Azīz al-Khalaf |
| • Najm al-Dīn al-Ṭūfiy  | • Muḥammad Māḍiy                    |
| • Ibn al-Qayyīm         | • Muḥammad ‘Imārah                  |
| • Aḥmad Ḥijāziy al-Saqā | • ‘Umar Sulaimān al-Ashqar          |
| • Naser al-Moghamis     |                                     |

Bagi definisi kedua, ialah ahli ilmu yang menerbitkan tulisan bertaraf universiti yang memerlukan semakan semula setara (*peer-review*) seperti tesis dan artikel jurnal. Berikut ialah ahli ilmu tersebut:

- |                           |                             |
|---------------------------|-----------------------------|
| • Ghasān ‘Āṭif Badrān     | • Jihād Muḥammad            |
| • Safiah Binti Abd. Razak | • A‘īḍ bin Sa‘d al-Dawsariy |

Berdasarkan skop dan batasan yang telah dibahaskan, maka terdapat lapan nabi berserta kisah-kisah mereka yang dipilih:

**Jadual 1.1: Senarai nabi serta kisah yang dikaji**

Nabi	Kisah Taurat
Adam	Tidak bertaubat setelah memakan buah terlarang. <sup>31</sup>
Nuh	Minum wain sehingga mabuk, lalu mengutuk keturunannya. <sup>32</sup>
Lut	Lut menawarkan anak-anak perempuannya kepada pelaku homoseksual. <sup>33</sup> Dan anak-anak perempuannya bersumbang mahram dengan Lut. <sup>34</sup>
Yaaqub	Menipu bapanya untuk ambil berkat. <sup>35</sup> Bergelut dengan Tuhan. <sup>36</sup> Menyembah patung berhala. <sup>37</sup> Mendiamkan diri daripada perzinaan anaknya bersama gundik Yaaqub. <sup>38</sup>
Harun	Membuat berhala anak lembu daripada emas. <sup>39</sup>
Musa	Menyuruh kaumnya untuk merampas perhiasan emas wanita-wanita Mesir. <sup>40</sup> Musa dan Harun tidak beriman kepada Tuhan. <sup>41</sup>

<sup>31</sup> Ghasān ‘Āṭif Badrān. “(Dirāsah Muqāranah) Qissah Ādam bayna al-Qur’ān al-Karīm wa al-Taurah.” *Majallah Jāmi’ah al-Quds al-Maftūhah li al-Buhūth al-Insāniyyah wa al-Ijtimā’iyyah*, no. 22 (2017):309.; Al-Saqā, Aḥmad Ḥijāziy. *Naqd al-Taurāh: Asfār Musā al-Khamsah*. Mesir: Maktabah al-Nāfiḍhah, T.thn., 237.

<sup>32</sup> Ibn Ḥazm, ‘Aliy. *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā’ wa al-Niḥal*. 5 jil. Jil. 1. Kaherah: Maktabah al-Khānajiyy, T.thn., 98.; Safiah Binti Abd. Razak. “Konsep kerasulan menurut agama Yahudi: suatu kajian khusus dalam Bible Perjanjian Lama dan pandangan Islam terhadapnya” Sarjana Usuluddin, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998, 200-201.; Al-Moghamis, Naser. *Christianity & Islam According to The Bible & The Qur’an*. Riyadh, Saudi Arabia: Darussalam, 2007, 84.; Al-Khalaf, Sa’ūd bin ‘Abd al-‘Azīz. *Dirāsāt fī al-Adyān al-Yahūdiyyah wa al-Naṣraniyyah*. Arab Saudi: Maktabah Adwā’ al-Salaf, 1997, 94.; Māḍiy, Muḥammad. *‘Iṣmah al-Anbiyā’ bayna al-Yahūdiyyah wa al-Masīhiyyah wa al-Islām*. Alexandria: Maktabah al-Īmān, T.thn., 53.; Jihād Muḥammad. “Qisṣah Lūṭ bayna al-Qur’ān al-Karīm wa al-Taurāh: Dirāsāt Muqāranah.” Master, Kuliyyah al-Dirāsāt al-‘Ulyā, Jami’ah al-Najāh al-Waṭaniyyah, 2007, 52.; Al-Saqā, Aḥmad Ḥijāziy. *Ibid.*, 237.; Lejla Demiri. *Muslim Exegesis of the Bible in Medieval Cairo: Najm al-Dīm al-Ṭūfī’s Commentary on the Christian Scriptures*. Leiden, Netherland: Brill, 2013, 450.

<sup>33</sup> Al-Dawsariy, A’iḍ bin Sa’d. 2017. “Taqdīm Lūṭ Ibnataih li Qaumih fī al-Taurāh wa al-Qur’ān Dirāsah Muqāranah.” *Journal of Qur’anic Studies* 19 (1):210-160. doi: 10.3366/jqs.2017.0276.

<sup>34</sup> Ibn Ḥazm, *Ibid.* Jil. 1, 105-106.; Muḥammad ‘Imārah. *Al-Anbiyā’ fī al-Qur’ān al-Karīm wa al-Kitāb al-Muqaddas: Ṣūrah al-Anbiyā’ baina al-‘Iṣmah wa al-Izdirā’*. Kairo, Mesir: Maktabah al-Shurūq al-Dauliyyah, 2010, 46.; Al-Ashqar, ‘Umar Sulaimān. *Al-Rusul wa al-Risālāt*. Kuwait: Maktabah al-Falāḥ, 1989, 104.; Māḍiy, Muḥammad. *Ibid.*, 52.; Safiah Binti Abd. Razak. *Ibid.*, 201-203.; Al-Khalaf, *Ibid.*, 94-5.; Al-Saqā, Aḥmad Ḥijāziy. *Ibid.*, 238.; Lejla Demiri. *Ibid.*, 466.

<sup>35</sup> Ibn Ḥazm, *Ibid.* Jil. 1, 108.; Safiah Binti Abd. Razak. *Ibid.*, 203.; Al-Saqā, Aḥmad Ḥijāziy. *Ibid.*, 240.; Muḥammad ‘Imārah. *Ibid.*, 52-53.; Al-Moghamis, *Ibid.* 27.

<sup>36</sup> Ibn Ḥazm, *Ibid.* Jil. 1, 110.; Ibn al-Qayyim, Muḥammad bin Abī Bakr. *Hidāyah al-Ḥayārāfī Ajwibah al-Yahūd wa al-Naṣārā*. Tahqiq oleh al-Ḥāj. 2 jil. Jil. 2. Jeddah: Dār Qalam, 1996, 418; Al-Moghamis, *Ibid.* 15.

<sup>37</sup> Al-Saqā, Aḥmad Ḥijāziy. *Ibid.*, 242.

<sup>38</sup> Lejla Demiri. *Ibid.*, 500.; Al-Ashqar, *Ibid.*, 105.; Al-Saqā, Aḥmad Ḥijāziy. *Ibid.*, 243.; Muḥammad ‘Imārah. *Ibid.*, 53.

<sup>39</sup> Ibn Ḥazm, *Ibid.* Jil. 1, 124-125.; Ibn al-Qayyim, *Ibid.*, Jil. 2, 417; Al-Moghamis, *Ibid.*, 24.; Al-Ashqar, *Ibid.*, 104.; Safiah Binti Abd. Razak. *Ibid.*, 205-206.; Al-Khalaf, *Ibid.*, 95.; Jihād Muḥammad. *Ibid.*, 53.; Al-Saqā, Aḥmad Ḥijāziy. *Ibid.*, 243-244.

<sup>40</sup> Safiah Binti Abd. Razak. *Ibid.*, 205.

<sup>41</sup> Al-Saqā, Aḥmad Ḥijāziy. *Ibid.*, 245.; Al-Moghamis, *Ibid.*, 24.

Nabi	Kisah Taurat
Daud	Meniduri isteri orang dan membunuh suaminya. <sup>42</sup>
Sulaiman	Menyembah berhala & membina tokong. <sup>43</sup>

### 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memiliki kepentingan akademik secara langsung atau tidak langsung. Pertama sekali, kajian ini mengumpulkan ciri-ciri kenabian menurut agama Yahudi dengan lebih jelas dan mampu menentukan seseorang watak dalam Wasiat Lama itu sama ada ia merupakan nabi atau bukan menurut Judaisme.

Kedua, kajian ini dijangka mampu merungkaikan konsep kemaksuman nabi di sisi agama Yahudi yang sukar ditemui secara khusus dalam penulisan kitab-kitab mereka. Secara tidak langsung mampu memahamkan lagi konsep kenabian di sisi agama Yahudi.

Ketiga, kajian ini penting untuk meluruskan kembali orang awam atau ahli akademik Islam untuk melakukan penilaian secara adil, iaitu dengan merujuk tafsiran dan kefahaman bahasa menurut sesebuah agama. Ia berguna bagi pendakwah Islam agar berhujah mengenai isu kemaksuman para nabi dalam agama Yahudi dengan lebih berkualiti serta berhati-hati.

---

<sup>42</sup> Ibn Ḥazm, *Ibid.* Jil. 1, 115.; Al-Moghamis, *Ibid.*, 28.; Muḥammad ‘Imārah. *Ibid.*, 56.; Al-Ashqar, *Ibid.*, 105.; Safiah Binti Abd. Razak. *Ibid.*, 206.; Jihād Muḥammad. *Ibid.*, 52.

<sup>43</sup> Ibn Ḥazm, *Ibid.* Jil. 1, 115.; Al-Moghamis, *Ibid.*, 26.; Muḥammad ‘Imārah. *Ibid.*, 62.; Al-Ashqar, *Ibid.*, 105.; Safiah Binti Abd. Razak. *Ibid.*, 207.; Māḍiy, Muḥammad. *Ibid.*, 52.

## 1.8 Metodologi Kajian

Keseluruhan kajian ini memakai pendekatan kualitatif. Maxwell mengatakan bahawa kekuatan signifikan dalam kajian kualitatif adalah:<sup>44</sup>

- Kajian kualitatif secara signifikannya terbit daripada pendekatan induktif. Kajian ini sememangnya melakukan induktif.
- Fokus pada situasi atau orang khusus. Kajian ini khusus terhadap Yahudi.
- Penekanan terhadap keterangan. Kajian ini memberikan penekanan terhadap keterangan sarjana Yahudi dan juga Islam.

Keterangan Maxwell serta orientasi kajian ini menunjukkan padanan yang tepat, maka oleh sebab itulah kajian ini dilakukan melalui pendekatan kualitatif.

### 1.8.1 Kaedah Pengumpulan Data

a) Kaedah kajian kepustakaan.

Kaedah ini digunakan apabila pengkaji ingin mencari maklumat perihal kitab suci agama Yahudi. Buku-buku rujukan pengkaji didapati melalui dua sumber, iaitu di perpustakaan dan tapak-tapak sesawang. Perpustakaan yang dilawati ialah:

- Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia

Melalui tapak sesawang pula, pengkaji kerap menggunakan dua tapak sesawang berikut:

- biblehub.com

---

<sup>44</sup> Maxwell, Joseph A. *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*. 3rd ed. Amerika Syarikat: Sage Publication, 2013, 40.



- sefaria.org

Tapak sesawang *biblehub.com* banyak membantu daripada segi memahami lafaz per kata. Tapak sesawang *sefaria.org* pula paling banyak digunakan untuk menukil tafsiran para rabbi. Perbandingan dengan tafsiran beberapa sarjana Yahudi telah dibuat dan dirujuk melalui tapak sesawang tersebut seperti tafsiran Rashi, Sforno, Ḥayyim dan lain-lain. Sefaria ialah organisasi swasta yang dibiayai oleh William Davidson dengan kerjasama penerbitnya iaitu Koren Publishers Jerusalem dan Milta, sebanyak 15 jurutera (komputer) dan lambakan penterjemah yang terlibat dalam memajukan tapak sesawang tersebut.<sup>45</sup>

Bagi memudahkan penulisan, pengkaji meringkaskan apa-apa rujukan daripada tapak sesawang *sefaria.org* dengan hanya menukilkan nama kitab atau sarjananya, serta penomborannya. Ayat asal bahasa Ibrani bagi nukilan tafsiran tersebut diletakkan pada nota kaki. Pengkaji juga mengutamakan tafsiran yang memiliki terjemahan dalam bahasa Inggeris agar orang awam mudah untuk menyemaknya kembali jika pengkaji salah terjemah. Hanya perlu salin sebahagian ayat Ibrani lalu dicari di tapak sesawang tersebut untuk memeriksanya kembali.

Nama-nama kitab dalam Wasiat Lama, pengkaji memakai lafaz dalam bahasa Inggeris dan bukannya istilah asal dalam Ibrani. Kadangkala penomboran yang diguna oleh Yahudi adalah berbeza dengan Kristian. Oleh itu, bagi memudahkan

---

<sup>45</sup> Chabin, Michele. "Nonprofit Offers Talmud in English Online for Free." *The Christian Century*, <https://www.christiancentury.org/article/nonprofit-offers-talmud-english-online-free>. Ayat asal: Although there are other online Talmud editions, they are either not in English or charge hundreds of dollars for access. Sefaria's edition has a Creative Commons noncommercial license, meaning anyone can use it as part of the public domain for noncommercial purposes. The project is funded by the William Davidson Foundation in cooperation with its publishers, Koren Publishers Jerusalem and Milta. Septimus said the project, which required the efforts of 15 engineers and countless scholars and translators, has been a labor of love.